



PEKELILING PENTADBIRAN BIL.12/2019

PENGGUNAAN KLASIFIKASI FAIL DAN SISTEM PENGURUSAN REKOD UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

Rujuk:

- A. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.2/2019 bertarikh 30 Jun 2019 (Perubahan Struktur Universiti Malaysia Kelantan)
- B. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil.5/2019 (Kali Ke-201) bertarikh 20 Mac 2019 (Penggunaan Klasifikasi Fail dan Sistem Pengurusan Rekod Universiti Malaysia Kelantan)
- C. Mesyuarat JPU Bil.8 /2019 (Kali Ke- 204) bertarikh 29 Mei 2019 (Pemurnian Struktur Organisasi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)).

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan Klasifikasi Fail (KF) dan Sistem Pengurusan Rekod UMK yang akan digunakan oleh semua PTj.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Klasifikasi Fail (KF) UMK dibangunkan bagi memastikan keseragaman pewujudan rekod di universiti berjalan lancar. Selain itu, penggunaan klasifikasi fail dan sistem pengurusan rekod ini juga adalah selaras dengan pematuhan Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629], yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia.
- 2.2 Pembangunan Sistem Pengurusan Rekod bertujuan untuk menyimpan, mengesan dan mengindeks semua rekod fizikal ke dalam bentuk rekod elektronik bagi memudahkan

dan mempercepatkan pengesanan rekod untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

3.0 PEMAKAIAN

3.1 Penggunaan KF ini adalah selaras dengan pindaan Carta Organisasi Universiti Malaysia Kelantan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.2/2019 pada 30 Jun 2019. Senarai nombor rujukan sistem fail dan kod Pusat Tanggungjawab (PTj) adalah seperti di **Lampiran A**. Garis Panduan Penggunaan Klasifikasi Fail Universiti Malaysia Kelantan adalah seperti di **Lampiran B**. Garis Panduan Pengurusan Rekod Universiti Malaysia Kelantan adalah seperti di **Lampiran C**.

4.0 TARIKH KUATKUASA

4.1 Pelaksanaan Klasifikasi Fail (KF) dan Sistem Pengurusan Rekod ini berkuatkuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan. Seluruh warga UMK **DIWAJIBKAN** untuk menggunakan Klasifikasi Fail Baharu dan Sistem Pengurusan Rekod. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh merujuk Bahagian Pengurusan Rekod dan Arkib, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu Universiti Malaysia Kelantan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD AKHMAL BIN ABU BAKAR
Menjalankan Tugas Pendaftar

18 JULAI 2019

s.k - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
- Fail Edaran